



Soalan Lazim



Hubungi Kami



Aduan dan
Maklum Balas



Peta Laman

Utama

Profil Kementerian ▾

Piagam Pelanggan

Hubungi Kami ▾

Utama Arkib 2017 Petikan Akhbar Utusan Malaysia - Harus kutip GST - JAKIM

Utusan Malaysia - Harus kutip GST - JAKIM

🕒 Selasa, Mei 02 2017



Harus kutip GST – Jakim

um 1/5

KUALA LUMPUR 30 April - Islam mengharuskan pemerintah untuk mengutip cukai termasuk cukai barang dan perkhidmatan (GST) selagi terdapat keperluan berbuat demikian selain menda-tangkan kebaikan kepada negara serta rakyat.

Ketua Pengarah Jabatan Kema-juan Islam Malaysia (Jakim), Tan Sri Othman Mustapha berkata, sebelum GST dilaksanakan, ba-nyak kajian telah dijalankan se-cara terperinci untuk melihat ta-hap keperluannya.

Menurutnya, pelaksanaan GST adalah untuk memenuhi tujuan ekonomi, sosial dan kepentingan rakyat meliputi aspek kesihatan, pendidikan, rekreasi, kebajikan serta keselamatan, justeru, kera-jaan dibenarkan mengutipnya untuk memenuhi kepentingan umum.

“Merujuk kepada Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Ke-bangsaan Bagi Hal Ehwal Agama Islam Malaysia Kali Ke-106 yang

bersidang dari 21 hingga 22 Ok-tober 2014 telah memutuskan bahawa Islam mengharuskan pemerintah atau Ulil Amri untuk mengutip cukai seperti GST selagi mana terdapat keperluan dan ma-slahah untuk negara dan rakyat.

“Inisiatif kerajaan ini adalah selaras dengan pandangan para ulama seperti Ibn Hazm, Ibn al-Musili, al-Syafi’i, al-Syatibi dan Ibn Khaldun yang membenarkan kerajaan untuk mengenakan cu-kai kepada rakyat sekadar untuk memenuhi maslahat umum pen-tadbiran negara,” katanya dalam satu kenyataan di sini, hari ini.

Beliau menambah, GST juga bukan sahaja dilaksanakan di Malaysia tetapi juga telah diprak-tikkan di negara-negara Pertubuhan Islam Sedunia (OIC) seperti Turki, Maghribi, Pakistan, Mesir, Kazakhstan, Bangladesh, Alge-ria, Azerbaijan dan Uzbekistan malahan Arab Saudi turut se-dang membuat persiapan ke arah sama.



- BISNES
- AGENSI
- WARGA

Perkhidmatan MOF

Perkhidmatan Atas Talian

Aplikasi Mudah Alih

Laman Mikro

e-Penyertaan & Maklumbalas

Statistik & Prestasi

Pautan

Agensi

Hubungi Kami

Kementerian Kewangan Malaysia
No. 5 Persiaran Perdana, Presint 2,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
62592 WP PUTRAJAYA

☎ 03-8000 8000

📠 03-88823893 / 03-88823894

✉ pro[at]treasury[dot]gov[dot]my



© **Hakcipta Terpelihara Kementerian Kewangan Malaysia.**

Paparan terbaik menggunakan pelayar internet Safari, Chrome atau Firefox yang terkini.

Kemaskini terakhir: **22 Januari 2020** | Jumlah Pelawat: **27637216**

